

27/10/2002

Kenapa mengemis lokasi di bumi sendiri?

Datuk Yusof Haslam

PADA satu masa dulu, kita semua kecuali Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah bermimpi untuk melihat di ibu negara Malaysia tegaknya dua buah menara yang tertinggi di dunia. Dr Mahathir memang telah lama mengimpikannya kerana beliau adalah pemimpin yang sentiasa memandang jauh.

Hari ini mimpi pemimpin besar kita itu sudah menjadi realiti. Menara berkembar Kuala Lumpur (KLCC) sudah menjadi mercu tanda baru Malaysia khususnya Kuala Lumpur. Dunia mengagumi kita dengan usaha besar daripada sebuah negara kecil yang membangun dengan pesatnya.

Kita patut berbangga dengan menara berkembar Kuala Lumpur (KLCC). Bagi yang ada peluang segala usaha harus diambil untuk menonjolkan sesuatu yang dikagumi dunia itu. Saya sendiri sentiasa mengambil peluang untuk mengambil inisiatif itu, biarpun barangkali saya hanya melakukan satu sumbangan kecil.

Sebagai pengarah, medium filem yang menjadi alat untuk saya berkarya sentiasa digunakan untuk mempromosikan kehebatan KLCC. Dalam filem cereka arahan saya dan juga drama TV, KLCC tidak pernah saya tinggalkan daripada dijadikan latar belakang lokasi.

Saya puas dan bangga apabila dalam filem atau drama TV terpapar keagungan KLCC yang menjadi daya tarikan besar kepada pelancong luar dan dalam negara. Kalau bukan kita yang mengangkat nama dan kehebatan negara, siapa lagi yang hendak diharapkan? Orang luar?

Dalam filem cereka Janji Diana yang sedang saya arahkan sekarang ini, saya turut memaparkan keindahan KLCC sebagai latar belakang untuk beberapa babak dalam filem itu. Bukanlah saya memaparkan pemandangan KLCC itu secara kosong tetapi relevan dengan jalan ceritanya yang mengisahkan pergolakan sosial remaja kota.

Tetapi sesuatu yang sungguh merentap jiwa saya telah berlaku ketika menjalankan penggambaran filem Janji Diana tidak jauh dari KLCC baru-baru ini. Ketika penggambaran sedang dijalankan di luar kawasan KLCC beberapa pengawal keselamatan telah cuba menghalang penggambaran itu dengan tidak memberikan keizinan (kononnya tiada surat kebenaran). Pada hal keizinan itu tidak diperlukan sebab penggambaran dilakukan jauh di luar kawasan KLCC. Kalau adapun hanya `termakan' sedikit (kawasan parking) di mana beberapa artis dan krew berehat sambil bekerja.

Sebagai pembuat filem yang sudah melahirkan banyak filem cereka dan ratusan drama TV, kami sudah masak dalam soal keizinan sebelum shooting dijalankan. Ini adalah proses biasa yang dilakukan oleh pengurus produksi bagi mana-mana syarikat filem atau drama. Tetapi dalam keadaan tertentu memang ada perkara yang tak dapat dielakkan dan di sinilah perlunya budi bicara atau tolak ansur. Apakah ini terlalu sukar dilakukan oleh orang kita sendiri?

Tidak bolehkah bersikap lebih patriotik kepada anak bangsa sendiri? Fikirkanlah dengan bijak dan bertimbang rasa kerana kalau bukan kita yang mahu menolong produksi tempatan siapa lagi yang hendak diharapkan?

Melalui Rosyam Nor saya difahamkan krew filem KL Menjerit yang menjalani penggambaran filem itu tahun lalu pernah dihalang membawa peralatan filem dengan lori ke dalam kawasan KLCC. (Pada hal kebenaran telah diberi setelah membuat pembayaran). Akibatnya krew terpaksa memikul lampu dan lain-lain alat perfileman yang beratnya bukan kepalang. Tidak mengapalah, mungkin itu telah menjadi peraturan pengurusan KLCC. Kita akur!

Tetapi apa yang dikesalkan apabila beberapa produksi filem luar (contohnya produksi Bollywood) bukan saja lori krew tetapi kenderaan lain juga turut dibenarkan masuk, malah diberikan layanan yang istimewa. Kenapa ini boleh terjadi? Adakah begitu hina filem tempatan di mata pihak yang bertanggungjawab? Beginikah cara menyanjung produksi luar dan menganaktirikan produksi tempatan? Mana perginya sikap patriotik yang dilaungkan-laungkan hingga sanggup melihat bangsa kita mengemis di bumi sendiri?

Apa yang saya paparkan di sini hanyalah satu insiden daripada banyak peristiwa di mana produksi tempatan sering dianaktirikan oleh beberapa pihak. Pada hal rata-rata pembikin filem dan drama tempatan sering memberikan gambaran positif kepada negara.

Mungkin telah menjadi kebiasaan orang kita yang selalu menyanjung tinggi apa saja yang datang dari luar dan tidak menghargai apa yang kita miliki. Kita mudah lupa pada sejarah silam. Kita lupa bahawa kita pernah dijajah dan tindak-tanduk kita sendiri yang membiarkan diri dan bangsa kita dijajah melalui minda. Sampai bilakah senario ini mahu kita biarkan?

Saya teringat kepada sebuah filem Hollywood, Entrapment. Filem yang dilakonkan oleh Sean Connery itu telah membabitkan bangunan KLCC dalam beberapa peristiwa dalam ceritanya. KLCC memang tersergam megah dalam filem yang diedarkan di seluruh dunia itu. Tetapi adakah KLCC yang ditonjolkan dalam Entrapment itu benar-benar boleh kita banggakan?

Pasti masyarakat masih belum lupa dengan beberapa kekesalan yang diluahkan oleh warga kita yang menganggap ada tujuan buruk di sebalik pemaparan kehebatan KLCC di dalam filem itu. Dalam filem itu seolah-olah KLCC yang menjadi bangunan tertinggi di dunia itu dikelilingi oleh rumah buruk dan semak-samun. Satu imej yang cukup memalukan negara.

Di sinilah bezanya antara pembuat filem tempatan yang benar-benar jujur untuk menunjukkan keagungan KLCC kepada masyarakat dalam dan luar negara dengan pembikin filem Amerika yang memburukkan imej negara kita melalui keindahan KLCC itu. Perkara ini patut disedari oleh pihak yang mempunyai kuasa untuk memberikan keizinan kepada syarikat filem Amerika yang ingin membuat penggambaran di negara kita.

Mungkin syarikat filem Hollywood boleh membayar dengan jumlah yang tinggi bagi mendapatkan keizinan mengadakan shooting di lokasi negara kita seperti KLCC. Tetapi adakah kerana wang sehingga kita sanggup membenarkan imej negara kita tercemar seperti yang berlaku kepada filem Entrapment itu? Fikirkanlah?

Berbalik kepada filem Janji Diana yang masih dalam proses penggambaran saya akan paparkan juga satu lagi kemegahan negara kita yang tercetus daripada idea Dr Mahathir. Beberapa kawasan menarik di Putrajaya akan dijadikan latar belakang penggambaran. Pemandangan di Putrajaya saya yakin menjadi faktor yang memeriahkan lagi persembahan filem terbaru saya yang dilakonkan oleh Erra Fazira, Rosyam Nor, Faizal Hussain, Sarimah Ibrahim, Fazley, Intan Sarafina, Elly Mazlein dan lain-lain lagi.

Bagi saya Putrajaya adalah sebuah bandar moden yang seharusnya diberikan pendedahan luas di mata masyarakat tempatan dan dunia. Di sinilah letaknya tanggungjawab karyawan tempatan untuk memaparkan keindahan dan kehebatan Putrajaya melalui medium filem dan drama.

Bangsa yang bermaruah adalah bangsa yang menghargai dan menghormati bumi dan hak bangsanya sendiri. Jika tidak kita mungkin akan kehilangan kuasa ketuanan Melayu. Renungkanlah!